



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR**

Aras 13, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: 03-88706000
Faks: 03-88706810
Web: <http://www.mohe.gov.my>

Rujukan : KPT.BPPD(S).600-2/4/5(29)
Tarikh : 7 Mei 2021

Pn. Hjh Wan Norhani Wan Khalid
Ketua Akauntan
Management Services & Finance Division
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

Puan,

**BAYARAN PERINGKAT KETIGA BAGI KAJIAN IMPAK
PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana pihak puan sedia maklum, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dilantik untuk melaksanakan **Kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi** dengan implikasi kos sebanyak RM680,155.74 (yuran perunding sebanyak RM525,279.00, kos imbuhan balik sebanyak RM123,360.00 dan SST sebanyak RM31,516.74) menggunakan dana *Education Policy Studies*.

3. Memandangkan Laporan Draf Akhir kajian ini telah diterima oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Dana Penyelidikan KPT Bil. 8/2021 pada 6 Mei 2021, pihak puan adalah dipohon untuk membuat bayaran peringkat ketiga, iaitu sebanyak **RM105,055.80 (20%)** selaras perenggan 13(iii) dalam Terma Rujukan kajian. Pihak puan juga dipohon untuk memastikan **bayaran kos imbuhan balik dilaksanakan selaras perenggan 3.1 dan Lampiran 1 dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.2 (Kos Perkhidmatan Perunding)**.

4. Dalam hal ini, KPT memohon supaya **bukti semua urusan pembayaran ini** dikemukakan melalui e-mel jagdev.singh@mohe.gov.my dan seyarifah@mohe.gov.my bagi tujuan dokumentasi **selewat-lewatnya pada 21 Mei 2021 (Jumaat)**.

5. Perhatian dan kerjasama pihak puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. WAN NOR AISHAH BINTI WAN OMAR)

Timbalan Setiausaha Bahagian
Seksyen Penyelidikan dan PPRN
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k:

En. Sugumar Saminathan (Ketua Penyelidik)
Perbadanan Produktiviti Malaysia